

HUKUM MENGAMBIL WANG YANG DIJUMPAI (*LUQATAH*) DAN MENGGUNAKANNYA

Luqatah merujuk kepada harta atau barang yang ditemui di suatu tempat yang tidak diketahui pemiliknya, tiada tanda-tanda di bawah jagaan sesiapa, atau tidak berada di tempat yang lazimnya harta itu berada. Ia boleh jadi hilang kerana tercicir atau terlupa.

Prinsip utama dalam pengurusan harta *luqatah* adalah:

1. Penemu hendaklah menyerahkan harta tersebut kepada pihak yang bertanggungjawab.
2. Hebahan (pengumuman): Ini adalah langkah paling penting. Penemu wajib menyerahkan harta tersebut kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menghebahkan penemuan harta tersebut kepada orang ramai di kawasan penemuan selama tempoh satu (1) tahun. Kaedah hebahan boleh pelbagai, termasuk papan kenyataan, media massa (jika sesuai dengan nilai harta).
3. Memelihara harta: Penemu wajib menyerahkan kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menjaga harta *luqatah* dengan baik supaya tidak rosak atau hilang.

Kesimpulannya, harta *luqatah* hendaklah diserahkan kepada pihak berkuasa kerana mereka mempunyai tanggungjawab dan kaedah untuk menguruskan harta tersebut secara amanah dan mengikut syarak.

JABATAN MUFTI SARAWAK